

Definisi Keizinan Afirmatif

Keizinan afirmatif ialah keputusan yang dibuat dengan pengetahuan semua peserta secara sukarela dan bersama untuk melibatkan diri dalam aktiviti seksual. Keizinan boleh diberi secara lisan atau melalui tindakan peserta, asalkan perkataan digunakan atau tindakan yang diambil jelas memberi keizinan secara rela untuk melakukan aktiviti seksual. Mendingkan diri atau tidak menentang secara sendirinya tidak menunjukkan keizinan. Definisi keizinan tidak bertukar kerana jantina, orientasi seksual, identiti jantina atau pernyataan jantina peserta.

Keizinan untuk melakukan sesuatu tindakan seksual atau aktiviti seksual yang dipersetujui sebelumnya antara atau dengan mana-mana pihak tidak semestinya mewakili keizinan untuk melakukan sebarang tindakan seksual yang lain.

Keizinan diperlukan tanpa mengendahkan orang yang memulakan tindakan tersebut di bawah pengaruh dadah dan/atau minuman beralkohol.

Keizinan boleh diberikan pada mulanya, tetapi ditarik balik pada bila-bila masa.

Keizinan tidak boleh diberikan apabila seseorang tidak berupaya untuk melakukan demikian, iaitu apabila seseorang individu tidak berupaya untuk memilih untuk menyertai aktiviti seksual dengan pengetahuannya. Ketidakupayaan boleh disebabkan oleh individu tersebut tidak sedar atau sedang tidur, ditahan secara paksa, atau jika seseorang individu tidak boleh memberi keizinan. Bergantung pada tahap kemabukan yang dialami, seorang di bawah pengaruh minuman beralkohol, dadah atau intoksikan lain mungkin telah hilang upayanya dan oleh itu, tidak boleh memberi keizinannya.

Keizinan tidak boleh diberikan apabila ia hasil sebarang jenis pemaksaan, intimidasi, kekerasan atau ugutan untuk mencedera.

Apabila keizinan ditarik balik atau tidak lagi boleh diberikan, aktiviti seksual mesti berhenti.

Amnesti daripada Tuduhan Kelakuan Penggunaan Dadah atau Minuman Beralkohol

Kesihatan dan keselamatan setiap pelajar di Rockland Community College diutamakan. RCC mengiktiraf bahawa pelajar yang meminum minuman beralkohol dan/atau mengguna dadah (tanpa mengira jika penggunaan sedemikian dilakukan secara sukarela atau paksa) pada waktu keganasan berlaku, termasuk tetapi tidak terhad kepada keganasan rumah tangga, keganasan dating, menghendap atau serangan seksual mungkin teragak-agak untuk melaporkan kejadian tersebut atas kebimbangan mereka boleh dihukum untuk kelakuan mereka sendiri. RCC amat menggalakkan pelajar untuk melaporkan kejadian keganasan rumah tangga, keganasan dating, menghendap atau serangan seksual kepada pegawai institusi. Saksi yang bertindak secara suci hati atau individu yang membuat laporan secara suci hati untuk mendedahkan sebarang kejadian keganasan rumah tangga, keganasan dating, menghendap atau serangan seksual kepada pegawai RCC atau penguat kuasa undang-undang tidak akan tertakluk pada tindakan tatakelakuan RCC's untuk pelanggaran dasar minuman beralkohol dan/atau penggunaan dadah yang berlaku sewaktu atau sejurus sebelum kejadian keganasan rumah tangga, keganasan dating, menghendap atau serangan seksual tersebut.

Bil Hak Pelajar

Semua pelajar berhak:

Membuat laporan kepada penguatkuasa undang-undang dan/atau pihak polis negeri;

Menjangkakan siasatan yang teliti dijalankan terhadap pendedahan mereka tentang kejadian keganasan rumah tangga, keganasan dating, menghendap dan serangan seksual;

Membuat keputusan jika mereka ingin mendedahkan ataupun tidak, kelakuan jenayah atau pelanggaran, semasa proses kehakiman atau kelakuan dan/atau proses keadilan jenayah bebas daripada tekanan institusi terbabit;

Menyertai dalam proses yang adil dan saksama dengan pemakluman yang mencukupi serta peluang yang bermakna untuk didengari;

Dilayani dengan hormat dan menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kaunseling yang bersopan-santun, adil dan penuh hormat daripada institusi terbabit, jika ada;

Bebaskan sendiri daripada sebarang anggapan bahawa individu yang membuat laporan bersalah apabila jenayah dan pelanggaran ini berlaku, atau sepatutnya bertindak dalam cara yang lain untuk mengelakkan jenayah atau pelanggaran tersebut berlaku;

Menerangkan kejadian yang berlaku kepada jumlah wakil institusi yang sekecil mungkin dan tidak perlu mengulangi penerangan mereka tentang kejadian tersebut tanpa sebab.

Melindungi sendiri daripada tindakan balas oleh institusi terbabit, mana-mana pelajar, pihak yang dituduh dan/atau responden, dan/atau rakan, ahli keluarga dan kenalan mereka dalam bidang kuasa institusi tersebut;

Mencapai sekurang-kurangnya satu peringkat rayuan terhadap keputusan;

Disertakan dengan penasihat yang dipilihnya sendiri, yang mungkin membantu dan menasihatkan individu melaporkan, pihak dituduh atau responden sepanjang proses kehakiman atau kelakuan berlangsung, termasuk semua mesyuarat dan pembicaraan yang berkaitan dengan proses sedemikian;

Mengamalkan hak sivil dan keagamaan tanpa gangguan proses siasatan, keadilan jenayah, atau kehakiman atau kelakuan institusi terbabit.

Hak berlaku tidak kira keturunan, warna kulit, negara asal, agama, kepercayaan, umur, keupayaan, jantina, identiti atau pernyataan jantina, orientasi seksual, status keluarga, status kehamilan, kecenderungan ciri genetik, status tentera, status mangsa keganasan rumah tangga, atau sabitan jenayah dan tidak kira jika jenayah atau pelanggaran yang berlaku berlangsung di dalam kampus, di luar kampus atau semasa pembelajaran di luar negara.

Anda mempunyai hak untuk membuat laporan kepada Polis Universiti atau Pengawal Keselamatan Kampus, penguatkuasa undang-undang tempatan dan/atau pihak Polis Negeri ataupun tidak; untuk melaporkan kejadian yang berlaku kepada institusi anda; untuk dilindungi oleh institusi terbabit daripada tindakan balas yang disebabkan oleh pelaporan kejadian itu; dan untuk menerima bantuan dan sumber daripada institusi anda.